

Dr M anggap Dong Zong rasis

Persatuan tak pernah setuju dasar pendidikan negara, termasuk isu Sekolah Wawasan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) dianggap rasis kerana tidak pernah setuju dengan dasar pendidikan negara termasuk dalam isu pembinaan Sekolah Wawasan sebelum ini, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sikap sama Dong Zong dapat dilihat apabila pertubuhan itu masih membantah pembelajaran Jawi dan khat di sekolah vernakular, sedangkan keputusan itu dibuat pada 2012 oleh kerajaan terdahulu.

Katanya, Dong Zong ketika itu tidak pula membangkitkan sebarang isu kerana bimbang diambil tindakan dan hanya menyuarakannya apabila dasar berkenaan mahu dilaksanakan kerajaan baharu.

"Dong Zong ini rasis, dahulu kita hendak buat Sekolah Wawasan yang menempatkan sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah kebangsaan dalam satu kampus pun mereka bantah kerana takut anak mereka campur Melayu.

"Banyak dasar berkaitan pendidikan negara mereka bantah



Dr Mahathir berucap pada Majlis Korban di Masjid Ar Rahman Kedawang, Langkawi semalam.

[Foto BERNAMA]

dan tidak pernah setuju. Kita sudah buat keputusan (pembelajaran Jawi), jika tidak mahu ambil tak perlulah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra dan Penyerahan Daging Korban di Masjid Al Huda, Padang Mat Sirat, di sini, semalam.

Beliau ditanya mengenai tindakan terbaru Dong Zong mengadakan petisyen bagi membantah pembelajaran Jawi dan khat yang dianggap sebagai langkah Islamisasi ke atas bukan Melayu di negara ini.

"Banyak dasar berkaitan pendidikan negara mereka bantah dan tidak pernah setuju. Kita sudah buat keputusan (pembelajaran Jawi), jika tidak mahu ambil tak perlulah."

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, sebelum negara mencapai kemerdekaan, kerajaan mendapati adalah sukar bagi penduduk bukan Melayu belajar dalam tulisan Jawi yang menyebabkan tulisan roman diperkenalkan.

"Saya masih ingat ketika negara hendak merdeka, kita dapati bukan Melayu susah hendak belajar dalam Jawi, jadi kerajaan ambil keputusan guna tulisan roman untuk memudahkan mereka.

"Kerajaan beri pertimbangan khusus kepada bukan Melayu dan orang Melayu masih boleh belajar

Jawi kerana hendak membaca al-Quran," katanya.

Sementara itu, mengulas kenyataan Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago yang mendesak agar kuasa Perdana Menteri dihadkan dalam membuat keputusan, Dr Mahathir berkata, beliau akan merujuk kepada Charles selepas ini dalam membuat sebarang keputusan.

"Pada masa depan, apabila saya hendak buat keputusan saya akan tanya boleh atau tidak (kepada) Charles dan dapatkan pandangan dia kerana dia setaraf dengan saya," katanya dalam nada sinis.